

Majikan perlu terbuka pemakaian tudung sebagai tuntutan agama

Dr Nur Saadah Khair
Pensyarah
Universiti Sains
Islam Malaysia
(USIM)

Baru-baru ini British Airways, sebuah syarikat penerbangan terkenal dunia melakukan pembaharuan bagi pakaian dan seragam kru kabin wanita buat kali pertama dalam tempoh 20 tahun.

Pembaharuan itu mendapat perhatian dunia kerana ia memberi peluang kepada wanita beragama Islam untuk

memakai tudung. Sebelum ini, Virgin Atlantic turut membenarkan kru kabin wanita memilih untuk memakai seluar berbanding skirt.

Namun, hal begitu tidak berlaku di Malaysia. Mereka tidak diberi kebebasan untuk bertudung kecuali ketika mengendalikan penerbangan pada musim haji.

Isu pemakaian pramugari sudah dibangkitkan bertahun-tahun sebelum ini, namun tiada solusi terhasil, walaupun Malaysia sudah merdeka hampir 66 tahun.

Jika syarikat penerbangan antarabangsa di negara majoriti Islam seperti Saudi Airline, Iran Air, Royal Brunei Airlines membenarkan pramugari mereka bertudung, mengapa tidak kita turut berbuat demikian.

Tidak dinafikan bahawa isu pakaian wanita adalah perkara hangat yang terus diperkatakan di seluruh dunia. Pemilihan tudung dan pakaian berasaskan syariah seharusnya bebas juga dibangkitkan berulang-kali, dengan tujuan memelihara kehormatan kaum wanita Muslim serta memberikan hak mereka untuk mengamalkan agama.

Dalam Islam, perintah bertudung dijelaskan

melalui firman Allah SWT: *“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka serta janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka, kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka...”* (Surah al-Nur: 31).

Kewajipan bagi setiap wanita

Perintah ini tidak boleh difahami dengan ke-

“ Sekatan yang dilakukan ke atas pemakaian tudung bukan sahaja berlaku di syarikat penerbangan, tetapi juga dilaporkan terjadi di bahagian perhotelan, pelancongan dan lain-lain ”

rangka feminis yang menegaskan bahawa tudung atau khimar adalah budaya Arab dan bukan menjadi kewajipan bagi setiap wanita.

Penggunaan tudung disyariatkan bukan sahaja sebagai pakaian semata-mata, tetapi bertindak sebagai penghalang yang boleh memelihara kaum wanita. Seperti dinyatakan dalam hadis Ummu Syuraik yang diminta oleh Rasulullah SAW untuk kekal berhijab dan menundukkan pandangan, walaupun berada di rumah sekalipun Ibn Maktum yang buta.

Justeru, keterbukaan terhadap pemakaian tudung dalam apa juga bentuk pekerjaan sama ada di darat, laut, mahupun udara wajar diberi perhatian yang lebih serius.

Sekatan yang dilakukan ke atas pemakaian tudung sebenarnya bukan sahaja berlaku di syarikat penerbangan, tetapi juga dilaporkan terjadi di bahagian perhotelan, pelancongan dan lain-lain.

Jika negara Barat yang berhadapan cabaran Islamofobia boleh bersikap terbuka dalam menerima tudung sebagai simbol wanita Muslim dan diberi kebebasan untuk bekerja dalam apa jua bidang, kita juga seharusnya melihat semula bagaimana keadaannya di negara ini.

Isu pemakaian tudung misalnya adalah contoh dalam memberi hak kepada setiap individu mengamalkan agama masing-masing. Sekiranya setiap syarikat mempunyai prosedur operasi standard (SOP) pemakaian yang tersendiri, tudung perlu dimasukkan juga sebagai pilihan yang dikhaskan untuk wanita Muslim.

ms 4
BH - Minda Pembaca
31/01/23